



JEJAK WARISAN KUALA LUMPUR

“Tepat pada tanggal 31 Ogos 1957, berkumandang laungan merdeka, merdeka, merdeka di serata Padang Kelab Selangor (kini dikenali sebagai Dataran Merdeka) yang menjadi nostalgia paling manis dan terus terpahat dalam lipatan sejarah negara. Pada ketika inilah, bendera Union Jack diturunkan bagi menandakan kemerdekaan negara ini daripada British telah berjaya dicapai. Di sini juga menempatkan binaan bersejarah, iaitu Bangunan Sultan Abdul Samad di Jalan Raja.”

Hingga hari ini, kebanyakan pelancong asing menjadikan Dataran Merdeka dan Bangunan Sultan Abdul Samad sebagai destinasi yang wajib dikunjungi apabila bertandang ke Kuala Lumpur. Namun begitu, oleh sebab penangan wabak pandemik COVID-19, tiada lagi kelihatan pelancong-pelancong asing atau deretan bas pelancong di sini. Lokasi ini kini bertukar menjadi tumpuan pelbagai lapisan masyarakat tempatan tidak kira sama ada tua atau muda, termasuklah penulis yang sering menghabiskan masa bersama-sama anak dengan berbasikal di sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad. Bangunan bersejarah yang sudah tidak digunakan lagi ini turut menjadi tarikan untuk aktiviti bergambar.

Bangunan Sultan Abdul Samad Berdasarkan fakta sejarah, Bangunan Sultan Abdul Samad yang pernah menjadi bangunan sekretariat atau pejabat

pentadbiran kerajaan British mula dibina pada tahun 1894. Asalnya, bangunan ini hanyalah sebuah pejabat kerajaan Kuala Lumpur, tetapi pada tahun 1974, bangunan ini telah dinamakan bersempena dengan nama Sultan Selangor, Sultan Abdul Samad yang memerintah sewaktu pembinaannya. Masa yang diambil untuk membina bangunan ini adalah selama tiga tahun dengan kos pembinaan berjumlah \$153 000 Straits Dollars. Dua arkitek British, iaitu A.C. Norman dan R.A.J. Bidwell merupakan individu yang bertanggungjawab untuk menyiapkan reka bentuk bangunan ini. Difahamkan bahawa batu bata untuk membina Bangunan Sultan Abdul Samad ini diambil dari Padang Brick (kini dikenali sebagai Jalan Brickfields). Ketika bangunan ini siap tersergam indah, kedai-kedai di sekelilingnya masih beratap nipah. Sebuah batu asas telah diletakkan pada 6 Oktober 1894.

Berdasarkan cerita penduduk asal Kuala Lumpur, binaan Bangunan Sultan Abdul Samad amat kukuh hingga hari ini kerana menggunakan putih telur untuk melekatkan batu bata berkenaan. Mungkin ada betulnya mengenai teori ini kerana ketika penulis berada di Iloilo, Filipina, terdapat sebuah gereja lama yang juga dibina dengan menggunakan putih telur masih utuh berdiri hingga kini. Gaya seni bina Bangunan Sultan Abdul Samad digambarkan sebagai *Mughal Eclectic* yang mempunyai pengaruh dari India. Kubahnya pula diperbuat daripada tembaga dan mempunyai menara jam setinggi 40 meter. Pada tahun 1941, menara jam ini rosak kerana dibom oleh tentera Jepun ketika Perang Dunia Kedua.

TARIKAN LAIN DI SEKITAR BANGUNAN ABDUL SAMAD

Terdapat banyak sekali tarikan pelancongan dan warisan sejarah di sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad. Malahan anda tidak perlu mengeluarkan kos perbelanjaan yang besar jika bersiar-siar di sekitar kawasan ini. Anda boleh mula berjalan kaki dari Dataran Merdeka hingga Lebuhraya Ampang.

Kelab Diraja Selangor

Bangunan yang paling hampir dengan Bangunan Sultan Abdul Samad ialah Kelab Diraja Selangor atau nama dahulunya, The Spotted Dog. Kelab sukan kriket ini dibuka pada tahun 1884 dengan hanya berdinginkan papan dan beratap nipah. Padang kriket yang pernah menyaksikan pemain-pemain kriket bertaraf dunia beraksi pada suatu ketika dahulu kemudiannya bertukar menjadi Dataran Merdeka.

Victorian Fountain

Terdapat binaan Victorian Fountain berdekatan dengan Dataran Merdeka, iaitu sebuah mangkuk air pancut bertingkat yang berusia melebihi 100 tahun. Binaan ini dibawa khas dari England dan dinamakan bersempena dengan nama Ratu Victoria, Ratu England pada masa itu.

Gereja St. Mary

Mungkin ramai yang tidak perasan tentang kewujudan Gereja St. Mary yang terletak di sebelah Kelab Diraja Selangor. Gereja Anglican ini dipercayai dibina pada akhir abad ke-18. Gereja ini menerima kunjungan tetamu daripada keluarga diraja British pada tahun 1998 apabila Ratu Elizabeth II menghadiri upacara pembukaan rasmi Sukan Komanwel ke-16 di Kuala Lumpur, dan kerabat diraja England terakhir yang pernah melawat gereja ini ialah Putera Charles, Prince of Wales dan isterinya Camilla, Duchess of Cornwall pada tahun 2017.



Kubah tembaga.


Panggung Bandaraya

Berusia lebih satu abad, Panggung Bandaraya merupakan antara panggung yang tertua di Malaysia. Dipisahkan dari Bangunan Sultan Abdul Samad dengan sebatang sungai, bangunan ikonik yang dibina sejak zaman kolonial British oleh arkitek bernama Bension Hubback pada tahun 1896 ini siap sepenuhnya pada tahun 1904. Bangunan ini telah dijaga dengan rapi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan telah menjadi saksi dan tumpuan para penggiat teater untuk mementaskan karya mereka. Panggung ini mampu menempatkan lebih 300 orang penonton dalam satu masa. Kini, panggung ini dilengkapi dengan galeri diraja, sebuah lobi, bilik kenamaan, bilik menunggu dan kaunter tiket.

Masjid Jamek Sultan Abdul Samad

Pada zaman dahulu, Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya menjadikan masjid bukan sekadar pusat ibadat, bahkan berfungsi sebagai pusat pengumpulan maklumat dan perjumpaan untuk umat Islam. Kewujudan masjid dapat mengumpulkan seluruh umat Islam daripada pelbagai kabilah untuk mengembangkan ajaran Islam. Kuala Lumpur merupakan antara ibu kota yang menerima tempias perkembangan agama Islam apabila para pedagang Islam dari India masuk berdagang di negara ini.

Jika berjalan sebentar dari Panggung Bandaraya, anda akan bertemu dengan Masjid Jamek, Kuala Lumpur. Pada tahun 2017, masjid ini telah dinamakan sebagai Masjid Jamek Sultan Abdul Samad oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kerana asal masjid ini dibina di atas tanah negeri Selangor. Masjid ini pada asalnya telah dibina oleh pedagang-pedagang Islam yang berasal dari India pada tahun 1909



Masjid Jamek Kuala Lumpur.

di persimpangan Sungai Klang dan Sungai Gombak, Kuala Lumpur pada zaman penjajahan British. Masjid ini juga pernah menempa zaman kegemilangannya sebagai pusat sehenti bagi para nelayan dan pedagang kerana lokasinya yang strategik di titik pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak. Pembukaan masjid ini telah dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Alauddin Sulaiman Shah dan masjid ini mempunyai corak serta reka bentuk berdasarkan pengaruh seni bina dari India Selatan atau Moghul.

Masjid Jamek Sultan Abdul Samad menjadi masjid utama untuk solat Jumaat dan menjadi pusat kegiatan Islam hingga pembinaan Masjid Negara pada tahun 1967. Masjid ini telah dibaik pulih di bawah projek Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life*) dan kini mampu memuatkan hingga 1000 orang jemaah pada satu masa. Para jemaah yang mendirikan solat di sini tidak lagi perlu khawatir dengan cuaca panas kerana binaan bumbung yang diinspirasi daripada bumbung hidraulik Masjid Nabawi, Madinah telah siap dibina.

Muzium Tekstil Negara

Jika anda memandu kenderaan dari Masjid Negara menuju ke

Dataran Merdeka, mata anda pasti akan terpancang pada sebuah bangunan berbentuk kolonial berwarna putih dan berbata merah dengan kubah yang berbentuk bawang. Pasti ramai yang tidak mengetahui bahawa identiti bangunan yang terletak di Bangunan JKR 26, Lot 50, Seksyen 70, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur merupakan Muzium Tekstil Negara.

Bangunan ini siap dibina pada tahun 1896. Jika diperhatikan, ramai yang singgah untuk bergambar di Bangunan Sultan Abdul Samad, namun tidak ramai yang berkunjung ke Muzium Tekstil Negara ini.




Bangunan Muzium Tekstil.

Masjid Jamek Sultan Abdul Samad juga merupakan masjid pertama di Asia Tenggara yang menggunakan reka bentuk tiga kubah berbentuk bawang sebagai mercu tanda kepada binaan masjid. Kubah masjid ini berfungsi sebagai payung di ruang solat utama dan dilengkapi dengan dua menara masjid yang menghadap ke arah timur dengan menggunakan jalur batu merah dan putih. Batu bata merah dan ukiran tembok yang berwarna putih menaikkan lagi seri dan keindahan seni bina Islam yang melangkaui benua dan sempadan. Jika diperhatikan dengan teliti, terdapat pintu yang menghadap sungai yang membolehkan golongan nelayan atau pedagang berhenti singgah di masjid. Arkitek yang membangunkan masjid ini ialah Brigadier Jeneral Arthur Benson Hubback, seorang jurutera British dan pernah berkhidmat di India.

Jangan bimbang, bayaran masuk yang dikenakan untuk melawat muzium ini hanyalah RM2 untuk warga tempatan dan RM1 bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) atau warga emas. Terdapat pelbagai pameran mengenai asal usul dan sejarah evolusi tekstil tempatan bermula di empat galeri yang berbeza.

Galeri terbabit ialah Galeri Pohon Budi yang mempamerkan sejarah tekstil yang bermula dari zaman prasejarah serta perkembangan tekstil melalui jalan perdagangan. Manakala Galeri Pelangi pula mempamerkan koleksi warisan terpilih seperti kepelbagaian dan perkembangan batik, koleksi masyarakat Cina, koleksi Baba dan Nyonya yang kaya dengan sulaman benang sutera, benang emas dan manik-manik serta koleksi tekstil etnik Sarawak dan Sabah yang penuh dengan kehalusan dan aneka motif. Peminat songket pasti terhibur apabila berkunjung ke Galeri Teluk Berantai dan pengunjung yang gemar terhadap barangan kemas pula harus melawat Galeri Ratna Sari kerana galeri tersebut memperagakan barang kemas dan perhiasan diri pelbagai etnik di Malaysia.



Mural di dinding berdekatan dengan *River of Life*.




Galeri Kuala Lumpur.


Sungai Nadi Kehidupan

Projek Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life*) tersenarai dalam 10 daerah pesisir sungai yang terbaik di dunia oleh *Independent*, sebuah portal berita dalam talian di United Kingdom. Portal ini menekankan bahawa walaupun Kuala Lumpur dikelilingi oleh hotel mewah, namun kawasan bersejarah yang berhampiran dengan Masjid Jamek Sultan Abdul Samad yang indah ini menjadi tarikan paling menarik. Sebahagian besar pusat bandar raya ini terletak di tebing Sungai Klang yang menjadi tumpuan projek Sungai Nadi Kehidupan, iaitu sebuah projek regenerasi yang digambarkan sebagai satu daripada projek pemulihan sungai bandar oleh DBKL.

Anda pasti kagum dengan transformasi yang telah berlaku di sini. Tidak hairanlah jika projek Sungai Nadi Kehidupan ini mendapat pengiktirafan daripada media luar negara. Di belakang Bangunan Sultan Abdul Samad, terdapat kolam panjang berserta air pancut dan taman yang diilhamkan dari Alhambra yang terkenal di Sepanyol. Mozek berunsurkan bunga Turki menambah seri dan kolam ikan koi mengindahkan lagi tebing sungai.

Jom Melawat!

Seharian berada di sini, tidak akan sedar waktu telah berlalu dengan pantas. Anda tidak akan menyedari bahawa masih banyak lagi tempat yang dapat dilawati secara percuma di Kuala Lumpur seperti Chinatown Kuala Lumpur, Perpustakaan Kuala Lumpur, Masjid Negara dan banyak lagi. Siapa kata perlu berbelanja banyak jika melancong di negara sendiri? 



Pertembungan antara dua sungai.